

LAPORAN AKTIVITI JANM PULAU PINANG
BULAN MEI 2019

1. TAKLIMAT REFRESHER SPANM BIL 6 & 7 KEPADA PTJ

Unit Khidmat Pelanggan dan Latihan telah menganjurkan taklimat refresher SPANM Bil 6 & 7 pada 2 Mei 2019 bertempat di Auditorium A, KOMTAR Pulau Pinang.

Taklimat ini diadakan dalam dua (2) sesi kepada 191 PTJ dibawah Pejabat Perakaunan JANM P.Pinang.

Kursus ini disertai oleh 180 orang pegawai dari pelbagai jabatan. Penceramah sepanjang taklimat ini merupakan pegawai-pegawai daripada JANM Pulau Pinang.

(Gambar : <https://cloud.anm.gov.my/index.php/s/xlgQBIVefrwFN6t>)

2. KURSUS MYCOST BAGI JANM PULAU PINANG

Unit Pengurusan Prestasi telah menganjurkan Kursus MyCost kepada pegawai-pegawai di JANM P.Pinang pada 14 Mei 2019 bertempat di Bilik Latihan JANM Pulau Pinang.

Kursus ini disertai oleh 20 orang pegawai dari JANM P.Pinang. Penceramah sepanjang kursus ini merupakan pegawai-pegawai daripada JANM Pulau Pinang.

(Gambar : <https://cloud.anm.gov.my/index.php/s/3NsbCQI7DCXuNuz>)

3. KURSUS KESELAMATAN KEBAKARAN PEJABAT

Unit Khidmat Pelanggan dan Latihan telah menganjurkan Kursus Keselamatan Kebakaran pada 17 Mei 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang.

Kursus ini disertai oleh 30 orang pegawai dari JANM P.Pinang. Penceramah sepanjang kursus ini ialah Tuan Ismail Bin Mohd Zain dari Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang.

(Gambar: <https://cloud.anm.gov.my/index.php/s/eQOspHR0DMghurR>)

4. KURSUS KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Unit Khidmat Pelanggan dan Latihan telah menganjurkan Kursus Keselamatan Perlindungan pada 23 Mei 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang.

Kursus ini disertai oleh 20 orang pegawai JANM P.Pinang. Penceramah sepanjang kursus ini ialah En Zaidi Bin Hassan dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Pulau Pinang.

(Gambar: <https://cloud.anm.gov.my/index.php/s/qygYZlkPdT7epMV>)

5. MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAZKIRAH BIRO KEROHANIAN

Biro Kerohanian KEJAP telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin dan Tazkirah sempena Ramadhan pada 31 Mei 2019, 9 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang.

Majlis ini dimulakan dengan tazkirah oleh Encik Faizal bin Kasim dan Encik Sarman bin Awang dan diteruskan lagi dengan bacaan Yasin. Majlis ini dihadiri oleh Pengerusi KEJAP, Ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli KEJAP.

(Gambar: <https://cloud.anm.gov.my/index.php/s/Bibc9jm32gQvzA0>)

6. MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA KAKITANGAN JABATAN AKAUNTAN PULAU PINANG

Kelab Biro dan Rekreasi KEJAP telah menganjurkan majlis berbuka puasa bersama kakitangan Jabatan Akauntan Negara Pulau Pinang pada 25.05.2019 bertempat di Hotel UITM Pulau Pinang. Seramai 20 orang telah menyertai majlis ini dan 8 orang terdiri dari ahli Kelab KEJAP.

(Gambar: <https://cloud.anm.gov.my/index.php/s/xgorQAOZ2a7gGXc>)